



KEMENTERIAN PERPADUAN NEGARA

SIARAN MEDIA

PROGRAM INSPIRASI PELAJAR INOVASI MUZIUM (IPIM)

KUALA LUMPUR, 18 April – Kementerian Perpaduan Negara (KPN) melalui Jabatan Muzium Malaysia (JMM) dengan kerjasama Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) akan melaksanakan Program Inspirasi Pelajar Inovasi Muzium (IPIM) yang merupakan **program pendidikan muzium berstruktur**.

IPIM dirancang dengan **menggabungkan pendidikan formal (institusi pendidikan) dan tidak formal (pendidikan muzium)** menggunakan pendekatan '*hands on*' terhadap koleksi muzium sebagai sokongan kepada proses pengajaran dan pembelajaran (PdP) serta pedagogi. Program ini menggunakan **Rancangan Pendidikan Muzium berdasarkan koleksi (artifak)** yang dirancang khusus mengikut Dokumen Standard Kurikulum dan Pentaksiran (DSKP) Sejarah serta Rancangan Pengajaran Harian (RPH) mata pelajaran Sejarah.

YB Datuk Aaron Ago Dagang, Menteri Perpaduan Negara berkata program ini dapat **memupuk kefahaman dan kesedaran golongan muda terutamanya pelajar sekolah terhadap warisan sejarah dan kepelbagaian budaya** yang perlu dihargai dan dipertahankan sebagai identiti nasional. Program pembelajaran menerusi koleksi ini memberikan peluang kepada pelajar untuk menggunakan organ deria bagi merangsang dan memaksimumkan tumpuan mereka sekaligus melatih pelajar mengaplikasikan kemahiran berfikir aras tinggi (KBAT) sepertimana yang digariskan di bawah Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia.

Untuk makluman, sebanyak **41 buah Muzium Persekutuan dan Negeri** di seluruh negara akan melaksanakan program IPIM ini yang selari dengan pendekatan nilai Malaysia MADANI iaitu hormat dan keyakinan.

Permohonan Program Inspirasi Pelajar Inovasi Muzium kini dibuka bermula pada 16 April 2025. Pihak sekolah atau guru-guru yang berminat untuk menyertai program ini boleh mengemukakan permohonan melalui pautan <https://ipim.jmm.gov.my/>. Sebarang maklumat lanjut boleh menghubungi urus setia Unit Pendidikan Muzium di talian 03-2267 1000 samb. 111/166.

Kementerian Perpaduan Negara

18 April 2025

KPN.100-9/1/16 (26)